

<b>Tingkatan</b>	Lima
<b>Masa</b>	80 Minit
<b>Tajuk</b>	Sutera Dalam Lukisan
<b>Genre</b>	Novel

<b>Fokus Utama</b>	10.6	Mengulas karya sastera dari aspek <b>watak dan perwatakan</b> , latar, plot, gaya bahasa dan sudut pandangan.
	Aras 2 (ii)	Menganalisis watak dan perwatakan dalam karya.
<b>Fokus Sampingan</b>	2.2	Menghuraikan idea yang bernas secara kritis dan kreatif.
	Aras 1 (i)	Menghubungkan topik dengan merujuk pelbagai sumber untuk mengemukakan idea yang bernas.

<b>Objektif</b>	<p>Pada akhir pelajaran, murid dapat:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Mengemukakan lima watak dan perwatakan watak utama dalam novel.</li> <li>ii. Mengaitkan pengalaman sedia ada dengan merujuk novel yang telah dibaca.</li> <li>iii. Membina lima ayat yang tepat dan gramatis berdasarkan kosa kata dalam novel.</li> </ol>
<b>Kemahiran Bahasa</b>	<p>Kemahiran membaca Kemahiran menulis</p>
<b>Sistem Bahasa</b>	<p>Tatabahasa: Kosa kata umum – mandur, perdu, betah, sabak Istilah -fasik, maniac, knob</p>
<b>Pengisian Kurikulum</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>i. Ilmu: Sastera</li> <li>ii. Nilai: Kasih sayang, hormat menghormati, baik hati, keadilan, kejujuran, semangat bermasyarakat.</li> </ol>
<b>Kemahiran Bernilai Tambah</b>	<p>Kemahiran Berfikir Kajian Masa Depan Pembelajaran kontekstual</p>

Langkah	Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	Penilaian Formatif	KBT / Catatan
Set Induksi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Guru memaparkan gambar 'Mr. Bean'.</li> <li>Guru meminta murid menyatakan perwatakan Mr. Bean berdasarkan pengetahuan sedia ada mereka.</li> <li>Guru mengaitkan gambar dengan isi pelajaran hari ini.</li> </ul>		<p>Lampiran 1</p> <p>Murid telah membaca teks novel 'Sutera Dalam Lukisan'.</p>
1	<ul style="list-style-type: none"> <li>Murid diminta menjalankan aktiviti 'Teknik Teater Bercerita'.</li> <li>Murid yang dipilih secara rawak diminta menjalankan aktiviti berdasarkan skrip dan kad arahan yang disediakan.</li> <li>Murid yang tidak mengambil bahagian diminta mengemukakan lima watak dan perwatakan watak utama berdasarkan lakonan rakan-rakan mereka.</li> </ul>	Objektif (i) tercapai	<p>Lampiran 2</p> <p>Kaedah: kumpulan</p> <p>Teknik: Teater Bercerita</p>
2	<ul style="list-style-type: none"> <li>Guru mengedarkan lembaran kerja dan meminta murid mengemukakan pendapat berdasarkan soalan yang diberi.</li> </ul> <p><b>Situasi:</b> Semasa kecilnya, Bujei pernah mengalami penderaan fizikal oleh bapa tirinya dan telah menyebabkan Bujei mengalami tekanan hidup.</p>		<p>Lampiran 3</p> <p>KBKK – sumbangsaran Pembelajaran kontekstual</p>

Langkah	Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	Penilaian Formatif	KBT / Catatan
	<p><b>Soalan</b> : Andaikan anda salah seorang penduduk kampung tempat Bujei tinggal, bagaimanakah anda boleh membantu Bujei?</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Murid melengkapkan lembaran kerja yang diedarkan.</li> <li>• Selepas itu, guru meminta beberapa orang murid memberi jawapan secara lisan.</li> <li>• Guru membetulkan jawapan murid yang kurang tepat.</li> </ul>	Objektif (ii) tercapai	Lampiran 4
3	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Guru menulis lima perkataan di papan tulis: <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Perdu</li> <li>ii) Betah</li> <li>iii) Mandur</li> <li>iv) Alah</li> <li>v) Sabak</li> </ul> </li> <li>• Murid diminta mencari maksud perkataan di dalam kamus.</li> <li>• Murid diminta membina lima ayat daripada kosakata yang diberi.</li> <li>• Guru meminta beberapa orang murid memberi maksud perkataan dan membaca ayat yang telah dibina.</li> </ul>	Objektif (iii) tercapai	Lampiran 5 KBKK – Perbincangan  Kamus Edisi Pelajar  Lampiran 6

Langkah	Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	Penilaian Formatif	KBT / Catatan
Penilaian dan Peneguhan	<ul style="list-style-type: none"><li data-bbox="479 304 898 436">• Guru dan murid membuat rumusan tentang pembelajaran watak dan perwatakan pada hari itu.</li></ul>		



### **Teknik Teater Bercerita**

Cara Pelaksanaan.

- i) Guru menyediakan skrip cerita dan diberikan terlebih dahulu kepada pencerita (murid) untuk dibaca dan dihayati.
- ii) Ruang lakon ditentukan oleh guru.
- iii) Guru juga mengatur kedudukan murid (pencerita, penonton dan para pelakon) sebelum aktiviti dijalankan.
- iv) Penyediaan kostum, prop mudah, alatan dan muzik boleh dilakukan oleh guru untuk menjadikan persembahan lebih menarik.

## Kad Arahkan

Kad Arahkan 1

## Lakonan

Watak : 1. Bujei  
2. Kanak-kanak sekolah  
3. Pak Sulong

Latar : Halaman Sekolah

- Adegan:
- i. Bujei meminta makanan dan minuman daripada kanak-kanak sekolah tetapi dia tidak sanggup meminta-minta daripada orang dewasa, malah kalau sesiapa yang mempelawanya pun sukar diterima kerana dirasakan tidak ikhlas.
  - ii. Pak Sulong biasa memberikan minuman dan kuih percuma walaupun Bujei tidak meminta-minta kerana dia mempunyai harga diri. Bujei berharap dia dipelawa minum di kedai Pak Sulong.

## Kad Arahkan 2

## Lakonan

Watak : 1. Adila  
2. Bujei  
3. Harun

- Adegan :
- i. Bujei yang seperti anak kecil baru berjalan jatuh tiba-tiba telah mendapat dorongan untuk keluar daripada sifat asal dirinya yang sebenar.
  - ii. Adila telah berjaya memupuk sifat berani dalam diri Bujei dalam masa yang singkat. Hal ini disebabkan Adila telah berjaya memupuk sifat berani dalam diri Bujei kerana Adila mempercayai Hafiz(Bujei) memiliki kepandaian dan pengetahuan yang luas malah sengaja membodohkan dirinya.

### Kad Arahan 3

#### Lakonan

Watak : 1. Bujei  
2. Harun

- Adegan : i. Bujei kini sudah berani membantah kehendak ayah tirinya Harun yang mahukan dia menandatangani surat pindah milik tanah kepunyaan ibunya.
- ii. Harun pada mulanya menunjukkan kebaikan dan mempamerkan wajah yang manis terhadap Bujei untuk memperdaya Bujei menurunkan cap jarinya tiba-tiba berang dengan tindakan Bujei yang menumpahkan dakwat pada kertas.

### Kad Arahan 4 (m/s132)

#### Lakonan

Watak : 1. Bujei  
2. Alias

- Adegan : i. Orang ramai mula menghampiri Bujei dan Sidang Saman. Oleh sebab kelurusannya Bujei terpaksa mengulang beberapa kali ceritanya.
- ii. Orang ramai sudah membuat keputusan dan hukuman mereka sendiri. Sidang Saman menyuruh Alias membayar ganti rugi bagi radio Bujei yang dirosakkan.





Jawapan Soalan sumbangsaran

Andaikan anda salah seorang penduduk tempat Bujei tinggal, bagaimanakah anda dapat membantu Bujei?

CARA	AKIBAT/KESAN
Berusaha memberi peluang pendidikan kepada Bujei.	Agar Bujei boleh membaca.
Menempatkan Bujei di rumah perlindungan (Rumah anak-anak yatim).	Kehidupan Bujei lebih terurus.
Memberi peluang pekerjaan kepada Bujei di kampung tersebut.	Bujei boleh mendapat pendapatan tetap.
Mencari khidmat guaman untuk mendapatkan semula tanah pusakanya.	Bujei dapat kembali haknya.
Menemani Bujei ke mana-mana.	Mengelakkan Bujei daripada dibuli.
Gotong-royong membaiki rumah Bujei.	Bujei dapat mendiami rumah yang lebih selesa.

Bina ayat berdasarkan perkataan di bawah ini.

1. Perdu

---

---

2. Betah

---

---

3. Mandur

---

---

4. Alah

---

---

5. Sabak

---

---

Bina ayat berdasarkan perkataan di bawah ini.

1. Perdu:

Pak Long mencabut perdu ubi kayu di kebunnya untuk mendapatkan isinya.

2. Betah

Amin tidak betah lagi tinggal di kampung yang terpencil itu.

3. Mandur

Pak Ali bekerja sebagai mandur di ladang kelapa sawit kepunyaan Tuan Brown.

4. Alah

Dia alah dengan kebijaksanaan peminato yang hebat itu.

5. Sabak

Rumah kedai yang terbakar itu sudah menjadi seperti sabak kerana apinya yang kian marak.

Makna Perkataan

- i. Perdu: pangkal pokok;kelompok pokok
- ii. Betah: tahan;sudah sesuai
- iii. Mandur: orang yang mengawasi pekerja-pekerja
- iv. Alah: kalah;tewas
- v. Sabak: dapur tempat memasak nira;dapur tempat memasak nasi ketika diadakan kenduri;muram;suram;redup